



# AIDS KUCING BAHAYA

**B**agi pemilik kucing, pasti banyak yang tidak mengetahui bahawa kucing juga terkesan dengan virus yang menyebabkan penyakit kurang daya tahan, sama seperti virus AIDS manusia. Walau bagaimanapun, kuman penyebabnya, iaitu virus kurang daya tahan kucing atau feline immunodeficiency virus (FIV), berlainan spesies dan spesifik kepada kucing. Kucing tidak dapat dijangkiti HIV daripada manusia dan manusia juga tidak dapat dijangkiti oleh FIV menerusi hubungan atau sentuhan dengan kucing yang dijangkiti.

Seperti AIDS, FIV menyerang sistem imun dan menyebabkan kucing mudah diserang oleh pelbagai jangkitan. Kucing yang diserang oleh FIV mungkin kelihatan normal dalam tempoh bertahun-tahun. Namun begitu, kucing ini akhirnya merana disebabkan oleh kekurangan daya tahan imun. Apabila

menghidap AIDS, kuman yang biasa, seperti bakteria, virus, protozoa dan fungus yang ada di sekitaran mengambil kesempatan dan menyebabkan bertakunya penyakit yang serius. Tempoh masa kemandirian kucing yang dijangkiti oleh FIV pula dianggarkan lebih kurang lima tahun.


Berdasarkan kajian, didapati bahawa prevalens FIV dalam kalangan kucing sihat adalah antara 3% – 7%. Kadar ini meningkat dalam kucing yang berpenyakit atau berisiko terjangkit, iaitu antara 15% – 20%.

FIV diklasifikasikan dalam kumpulan lentivirus dan retrovirus. Ciri lentivirus ialah tindakannya perlahan, tetapi berpotensi membunuh. FIV berada dalam keluarga virus yang sama seperti virus kurang daya tahan manusia (HIV).

Retrovirus pula mengandungi enzim yang menukarkan bahan genetik virus RNA kepada DNA, yang kemudiannya dimasukkan ke dalam pelan cetusan genetik kucing yang dijangkiti. Virus ini menggunakan sel kucing untuk membiak.

Virus FIV ditemukan dalam semua bendalir tubuh kucing yang dijangkiti, terutama air liurnya. Virus FIV tidak dapat bertahan dalam tempoh beberapa jam dalam kebanyakan sekitaran. Oleh sebab itu, laluan penularan yang paling cekap adalah menerusi gigitan, iaitu luka gigitan. Kucing jantan dan kucing jalang yang agresif atau suka berkelahi paling mudah dijangkiti berbanding dengan kucing rumah.

Oleh sebab itu, hubungan kasual dan tidak agresif tidak menyebabkan penyakit disebarkan dengan berkesan. Kucing rumah mempunyai struktur sosial yang stabil, kawanan dalam kelompok yang tidak berkelahi, serta berisiko rendah untuk dijangkiti oleh FIV. Berbeza daripada virus HIV, hubungan seksual tidak menyebarkan kuman FIV dalam kalangan kucing.



Kucing yang diserang oleh FIV mengalami kekurangan daya tahan imun.

Dalam proses jangkitan, ketika diserang, virus dibawa ke nodus limfa yang berada berdekatan dengan tapak pendedahan. Di tempat ini, virus membiak di dalam sel darah putih T-limfosit yang lebih dikenali sebagai sel CD4 (atau limfosit T-penolong).

Sel CD4 ini ibarat tentera pengempur bagi pertahanan badan dan berperanan utama dalam sistem imun. Kitar (yang menyebabkan kemusnahan) ini terus berlangsung dengan perlahan-lahan kerana virus tersebar di seluruh badan dan menyerang banyak lagi nodus limfa. Secara biasanya, serangan ini diiringi oleh demam dan merusnakan lebih banyak sel CD4.

Kerosakan fungsi sel CD4 menyebabkan sistem imun kucing goyah, akhirnya terjejas teruk. Setelah itu, organisma oportunistik, seperti bakteria, virus atau fungus, mula menyebabkan penyakit. Penyakit ini ialah penyakit iringan atau sekunder bagi FIV.

Peringkat jangkitan awal ini hilang tanpa disedari oleh pemilik kucing. Hal ini dikatakan demikian kerana kucing mungkin hanya mengalami demam ringan disebabkan oleh bilangan sel darah putihnya yang berkurangan. Nodus limfa membengkak dalam tempoh sementara sahaja. Gejala ini mungkin sangat tidak kelihatan sehinggakan pemilik kucing

tidak menyedarinya. Malah, kucing yang positif FIV boleh kelihatan normal dalam tempoh beberapa tahun selepas dijangkiti.

Walaupun bagaimanapun, ketika serangan FIV berlaku, kesihatan kucing terkesan dan merosot dengan teruknya, serta mengalami sakit yang berulang-ulang. Kadang-kadang, gejala ini tidak muncul dalam tempoh bertahun-tahun selepas dijangkiti. Gejala kekurangan imuniti ini juga dapat muncul di mana-mana bahagian tubuh kucing ini.

Berbanding dengan ancaman kesihatan kucing yang lain seperti jangkitan parvovirus, jangkitan FIV dikategorikan sebagai biasa sahaja, terutamanya dalam kalangan kucing dewasa (75% daripadanya jantan). Masalah ini sangat jarang-jarang berlaku dalam kalangan anak kucing kerana tidak bermula dengan tingkah laku berisiko sehingga meningkat dewasa. Oleh sebab itu, walaupun kucing dewasa mudah rentan, umur bukanlah faktor penentu.


Yang sebenarnya, penyakit ini lebih kepada isu perlakuan. Majoriti besar jangkitan FIV berlaku dalam kalangan kucing di luar rumah, yang tidak dikemili, atau si jantan yang menghabiskan banyak masa di luar rumah dan mengganggu kucing lain, selain suka berkelahi dan menggigit.

Banyak gejala yang dapat diperhatikan dalam kalangan kucing yang dijangkiti oleh FIV. Antaranya termasuklah bulu badan yang kusam, demam yang berlarutan dengan kehilangan nafsu makan, penurunan berat badan yang progresif, tetapi perlahan-lahan, atau berkesudahan dengan kekurusan.


Antara lesi yang paling biasa dialami dalam jangkitan FIV termasuklah keradangan tisu mukus mulut (stomatitis) dan lapisan tengah-tengah mata (uveitis), serta pelbagai jenis kanser, terutamanya limfoma. Beberapa jenis barah dan penyakit darah juga biasa berlaku pada kucing terjangkit.

Selain itu, ada juga jangkitan kronik atau jangkitan berulang yang berlaku pada kulit, mata, pundi kencing dan salur pefasan atas, serta gangguan saraf. Pada kucing betina, kegagalan pembiakan, seperti keguguran secara tiba-tiba, dapat berlaku. Cirit-birit yang berulang-ulang turut menjadi suatu masalah bagi kucing. Kucing juga mungkin mengalami sawan dan perubahan tingkah laku.

Diagnosis FIV dilakukan berdasarkan sejarah kesihatan kucing, gejala klinikal dan keputusan pemeriksaan darah. Sampel darah diuji dan diperiksa untuk mengesan kehadiran antibodi bagi virus



Kucing yang suka bergaduh mudah dijangkiti FIV.



FIV dengan ujian ELISA atau asai IFAT. Teknik ini memerlukan kucing untuk bertindak balas imun terhadap virus FIV.

Jika kucing tidak berupaya untuk bertindak balas kerana tidak cukup masa atau imunitinya tertindas, antibodi tidak dapat dikesan pada kucing yang sebetulnya dijangkiti oleh virus FIV. Hal ini memberikan keputusan negatif palsu. Ujian yang tepat untuk mengesan virus FIV ialah PCR. Ujian ini lebih spesifik dan dapat mengesan protein antigen FIV.

Setakat ini, belum ada ubat yang mujarab bagi FIV. Ada beberapa terapi antivirus yang terbukti memberikan manfaat kepada kucing yang dijangkiti oleh FIV dengan sawan atau stomatitis (keradangan rongga mulut) atau untuk mengurangkan jumlah virus yang dikumuhkan ke 'alam sekitar. Namun begitu, tidak ada bukti kukuh bahawa terapi antivirus dapat memanjangkan usia kucing yang dijangkiti oleh FIV.

Satu-satunya kaedah untuk melindungi kucing adalah dengan mencegah pendedahan terhadap virus ini. Caranya melalui pengawalan gerakan dan pergaulan kucing dengan kucing yang tidak diketahui status penyakitnya. Sebagai contohnya, mengurung atau memelihara kucing di dalam rumah.

Namun begitu, banyak kucing yang dijangkiti oleh FIV tidak didiagnosis

**Makanan dan air, sangkar, dulang najis dan peralatan lain perlu selalu diganti untuk meminimumkan penyebaran FIV.**

sehingga selepas kucing ini hidup bertahun-tahun dengan kucing lain. Walau bagaimanapun, kebarangkalian penyebaran kuman daripada kucing yang dijangkiti kepada kucing yang tidak terjangkit adalah kurang dalam kelompok yang mempunyai struktur sosial yang stabil, iaitu kelompok kucing yang tidak berkelahi.

Kucing yang dijangkiti oleh FIV sering dijangkiti oleh agen berjangkit lain yang memberikan ancaman kepada kucing lain. Namun begitu, ada cara untuk meminimumkan penyebaran FIV dan/ atau penyakit berjangkit lain kepada kucing yang dibawa ke sekitaran yang ada kucing positif FIV.

Caranya adalah dengan melakukan pembersihan dan pembasman kuman secara menyeluruh. Dalam hal ini, makanan dan air, sangkar, dulang najis dan peralatan lain perlu selalu diganti. Larutan peluntur dapur, seperti cecair

klorox dapat digunakan untuk membasmi kuman dengan baiknya.

Kini, vaksin untuk membantu melindungi kucing daripada jangkitan FIV boleh didapati, walaupun tidak tergolong dalam vaksin teras bagi kucing. Kucing lama atau kucing baharu perlu diberikan pemvaksinan terhadap agen berjangkit ini sebelum memasuki rumah. Namun begitu, tidak semua kucing yang divaksin kebal terhadap jangkitan. Oleh sebab itu, pencegahan pendedahan penting walaupun kucing divaksinasi.

Pemvaksinan memberikan kesan terhadap keputusan ujian FIV pada masa hadapan. Kaedah ini memberikan keputusan positif palsu dan mencetuskan risiko masalah sarkoma yang berkaitan dengan vaksin (sejenis kanser) pada kucing. Kepentingan penggunaan vaksin ini harus diputuskan setelah mengambil kira setiap kes individu dan berbincang dengan doktor veterinar. □